

# HAK ASASI MANUSIA DI BAWAH P&C RSPO

Salah satu asas utama untuk menjadi pengeluar minyak sawit yang mampan adalah pengiktirafan dan penghormatan ke atas hak asasi manusia.



Penanam yang diperakui mesti menunjukkan komitmen di dalam meningkatkan kehidupan, kesejahteraan sosial dan piawai alam sekitar untuk semua pihak yang berkepentingan yang tinggal dan bekerja di dalam dan di sekitar kawasan ladang sawit mereka.



Penanam yang diperakui juga harus menunjukkan bahawa penggunaan hak guna tanah komuniti dilindungi, dan mereka mesti menunjukkan bahawa Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (FPIC) telah dilaksanakan dan ditubuhkan tanpa bantahan daripada komuniti tempatan ke atas penggunaan undang-undang tanah hak adat yang akan dibangunkan.

P&C RSPO juga menggabungkan Piawaian-piawaian Buruh daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang mewajibkan gaji yang adil, tidak diskriminasi, keadaan kerja yang selamat, hak untuk penawaran secara kolektif dan tiada buruh kanak-kanak serta semua bentuk buruh paksa.




## Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (FPIC)




Kehidupan Orang Asal/Asli dan komuniti tempatan (ILC) dipengaruhi oleh perluasan perladangan kelapa sawit.



Konflik disebabkan hak tanah adat merupakan salah satu isu utama yang timbul akibat perluasan ladang kerana ketiadaan FPIC.



Laporan Impak RSPO 2018 menunjukkan kekurangan penggunaan FPIC merupakan aduan yang mempunyai bilangan tertinggi yang diterima dari tahun 2009 sehingga 2018.



Oleh sebab ini, RSPO telah memperbaiki P&C 2018, menjadikannya **wajib** ke atas penanam sawit untuk melaksanakan FPIC sebelum membuka tanah untuk perladangan.

1

**Pengiktirafan**

FPIC merupakan satu proses yang diiktiraf oleh Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak-hak Orang Asal/Asli (UNDRIP), Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 169 (ILO 169), dan Malaysia adalah penandatanganan kepada badan-badan tersebut.



2

**Hak ILC**

FPIC adalah proses berulang dan penyertaan aktif, yang membolehkan ILC berhak untuk memberi atau menahan persetujuan terhadap sebarang aktiviti oleh pihak luar yang mungkin memberi kesan ke atas mereka.



3

**Masa**

FPIC perlu dilaksanakan sebelum sebarang aktiviti atau projek dijalankan. Melaksanakan FPIC sebelum memulakan projek atau aktiviti boleh mengelakkan atau meminimumkan konflik pada masa hadapan.




# What is FPIC?

4

**Perbincangan dalam**

Bagi projek jangka panjang, akan terdapat beberapa peringkat apabila FPIC perlu dijalankan untuk mendapatkan persetujuan daripada ILC. ILC akan mengadakan perbincangan dalam tanpa pengaruh daripada pihak luar dan mencapai keputusan yang dipersetujui bersama secara kolektif.



5

**Penyertaan Aktif**

Di dalam proses FPIC, perundingan dan penyertaan tidak boleh ditafsirkan sebagai persetujuan, kerana kedua-dua tindakan ini adalah hanya untuk memperoleh maklumat.



6

**Rasuah**

Tiada sebarang cenderamata patut diberikan kepada komuniti yang mengambil bahagian di dalam perundingan atau manipulasi dan rasuah untuk mendapatkan persetujuan daripada komuniti.

**Bebas**

1

Bebas dari kekerasan, paksaan, ugutan atau manipulasi.

**Awal**

2

Keizinan sebelum sebarang aktiviti atau projek dilaksanakan. Komuniti mesti diberi masa yang mencukupi untuk berbincang sesama sendiri dan untuk membuat keputusan yang dipersetujui bersama secara kolektif

**Dimaklumkan**

3

Maklumat yang diberikan mesti mencukupi, tepat dan di dalam bahasa yang boleh difahami oleh komuniti

**Izin**

4

Komuniti berhak untuk memberi keizinan atau menahan keizinan



# PROSES FPIC

1

## Perjumpaan Pertama

Pihak luar yang ingin berurusan dengan satu komuniti, mesti berjumpa dengan Ketua Kampung (KK) atau Pengerusi Majlis Pengurusan Kemajuan Kampung (PMPKK). Pihak luar diberitahu untuk menyediakan surat niat kepada KK atau PMPKK



2

## KK/PMPKK memaklumkan kepada komuniti

KK atau PMPKK memaklumkan kepada komuniti mengenai mesyuarat dengan pihak luar

3

## Mesyuarat pertama

Pihak luar dan komuniti

4

## Mesyuarat dalaman

Untuk memutuskan sama ada memberi atau menahan keizinan atau meminta maklumat lanjut

5

## Mesyuarat kedua

Pihak luar dan komuniti jika maklumat lanjut diperlukan



6

## Mesyuarat dalaman

Pemilihan wakil komuniti untuk proses perbincangan dan perundingan dengan pihak luar

7

## Mesyuarat susulan

Beberapa siri mesyuarat untuk berbincang mengenai peraturan, terma & syarat dan hasil pemetaan bersama wakil komuniti. Disaksikan oleh komuniti



8

## Mesyuarat dalaman

Persetujuan sepakat di atas peraturan, terma & syarat, dan pemetaan komuniti yang telah diputuskan semasa mesyuarat susulan

9

## Perjanjian bertulis

Diterangkan oleh pihak luar kepada komuniti

10

## Mesyuarat dalaman

Untuk mengkaji perjanjian

11

## Menandatangani Perjanjian

Oleh semua pihak yang terlibat



12

## Pelaksanaan

13

## Pemantauan dan Penilaian

# PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN



## 1. MESYUARAT KOMUNITI

Biasanya dalam mesyuarat komuniti, kebanyakannya dihadiri oleh kaum lelaki, dan mereka akan membuat keputusan. Walau bagaimanapun, eputusan harus dibuat melalui kata sepakat, dan untuk mencapainya, setiap peringkat komuniti harus terlibat.

## 2. WANITA DAN BELIA

Kaum wanita dan belia yang menghadiri mesyuarat ini akan kurang bersuara dan tidak akan memberi sebarang pendapat. Oleh itu, satu mekanisme perlu diwujudkan untuk mengambilkira pendapat mereka.



## 3. KEBUNTUAN

Kadang kala, perjanjian melalui kata sepakat mungkin tidak dapat dicapai walaupun setelah beberapa sesi perbincangan. Komuniti kemudiannya boleh memutuskan sama ada memilih untuk melanjutkan perbincangan atau memutuskan untuk proses pengundian.

## 4. PROSES PENGUNDIAN

Garis panduan mesti diwujudkan dan dipersetujui sebelum proses pengundian boleh dijalankan. Ini termasuk menentukan umur minimum untuk mengundi dan bilangan undi yang diperlukan untuk membuat keputusan.



## 5. PARTI BEBAS ATAU PEMERHATI

Kaedah untuk mencapai keputusan mesti dimaklumkan kepada parti bebas atau pemerhati, ini adalah untuk memberikan pemahaman tentang bagaimana keputusan dibuat dan kesahihan proses membuat keputusan kepada mereka.

# ISU TANAH



## PENGLIBATAN

Penanam kelapa sawit perlu melibatkan diri dengan komuniti untuk memastikan tiada pertindihan pemilikan tanah sebelum meneruskan pembersihan tanah.



## PENILAIAN

Penanam kelapa sawit juga perlu menjalankan penilaian sosial dan alam sekitar serta HCV.



## PAMPASAN

Dimana masyarakat tempatan mempunyai hak yang sah, hak adat atau hak pengguna. Pampasan diberikan ke atas sebarang tanah yang dipersetujui dan pengambilalihan serta pelepasan hak, tertakluk kepada perjanjian FPIC dan perundingan



## HAK ADAT

Hak-hak adat atau juga turut dikenali sebagai hak adat Orang Asal (di Sabah dan Sarawak), adalah hak ke atas tanah oleh Orang Asal.

Hak tanah adat adalah tanah yang telah diduduki komuniti selama beberapa generasi.

## DEFINISI DAN KEKALKAN

Ordinan Tanah Sabah seksyen 65 menyatakan "Pegangan pemilikan bermakna pemilikan tanah yang sah oleh Orang Asal sama ada melalui pekerjaan atau penanaman yang berterusan selama tiga tahun atau lebih atau melalui geran di bawah Bahagian ini atau di bawah Ordinan Cukai Pungutan (cap 102)".

Hak ILC ke atas tanah adat tidak boleh diambil. Untuk kes-kes di mana tanah perlu dibangunkan, perlu ada perundingan yang betul, dan proses FPIC mesti dijalankan.

